

KUALA LUMPUR, Khamis. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad setakat ini dikatakan menerima dua pencalonan untuk jawatan Presiden dan Timbalan Presiden UMNO Malaysia.

Berita Harian mendapat tahu, Timbalan Perdana Menteri telah menghantar jawapan menerima pencalonan itu kepada Ibupejabat UMNO Malaysia minggu lepas.

Bagaimanapun, Datuk Seri Dr. Mahathir diramalkan akan menarik diri bagi jawatan Timbalan Presiden dan hanya bertanding bagi jawatan Presiden yang dikosongkan oleh Datuk Hussein Onn.

Sehingga pencalonan ditutup Isnin lepas, tiga tokoh dicalonkan untuk jawatan nombor satu itu — seorang telah memberi jawapan menerima pencalonan, seorang menolak dan seorang belum memberi jawapan.

Tokoh yang telah memberi jawapan menerima disebut-sebut sebagai Datuk Seri Dr. Mahathir, tokoh yang menolak ialah Datuk Hussein Onn dan yang belum memberi jawapan difahamkan bekas Menteri Besar Selangor, Datuk Haji Harun Idris.

Datuk Haji Harun yang dicalonkan untuk kesemua jawatan kemungkinan besar menolak pencalonan untuk jawatan Presiden.

Para pemerhati politik menganggap tidak mustahil, Datuk Seri Dr. Mahathir setakat ini menerima pencalonan bagi dua jawatan, memandangkan beliau pernah menasihati tokoh-tokoh yang bertanding jawatan Timbalan Presiden untuk bertanding juga kerusi Naib Presiden.

Sebahagian besar ahli-ahli UMNO dan para pemerhati politik dalam dan luar negeri penuh yakin Datuk Seri Dr. Mahathir akan memenangi jawatan Presiden UMNO itu da-

Dr. M terima tanding dua jawatan

Bahan asal dari Arkib

Negara Malaysia

Oleh **NORDIN MOHAMAD**

lam perhimpunan agung parti tersebut 26 Jun ini.

Sebanyak 34 Bahagian yang mengadakan mesyuarat selepas pengumuman Datuk Hussein Onn tidak bertanding untuk jawatan Presiden parti itu mencalonkan Datuk Seri Dr. Mahathir bagi jawatan tersebut.

Dari baki 8 Bahagian lagi, 6 Bahagian masih mencalonkan Datuk Hussein Onn termasuk Bahagian Sri Gading, manakala 11 dari 66 Bahagian yang mencalonkan Datuk Hussein sebelum 15 Mei, mencalonkan Datuk Seri Dr. Mahathir sebagai pengganti.

Ini termasuk lapan dari 12 Bahagian UMNO di Kelantan mencalonkan Datuk Seri Dr. Mahathir sebagai Presiden.

Jementara itu, empat tokoh dicalonkan bagi jawatan Timbalan Presiden — seorang telah

memberi jawapan bersetuju bertanding dan tiga lagi belum.

Tokoh yang bersetuju difahamkan Datuk Seri Dr. Mahathir dan tiga tokoh lain yang belum memberi jawapan terdiri dari Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh Hamzah, Menteri Pelajaran, Datuk Musa Hitam dan bekas Menteri Besar Selangor, Datuk Haji Harun Idris.

Bagaimanapun, kedua orang tokoh itu, Tengku Razaleigh dan Datuk Musa menegaskan mereka akan bertanding bagi jawatan nombor dua, cuma surat jawapan belum dihantar kepada Ibupejabat UMNO sehingga ini.

Seramai 16 orang pula dicalonkan untuk merebut tiga jawatan Naib Presiden — enam tokoh telah memberi jawapan menerima, seorang menolak dan lapan belum menjawab.